



Cubaan seludup petrol: KPDNHEP tahan lelaki, rampas minyak

Tarikh kemaskini: 08/09/2019

KOTA BHARU, 8 Sept -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri Kelantan hari ini menahan seorang lelaki warga negara Thailand dan merampas petrol RON 95, 187.06 liter, bernilai RM389.10 di Jeli, Kelantan.

Pengarahnya Adnan Abd Rahman berkata ketika kejadian anggota KPDNHEP sedang membuat rondaan di kawasan terbabit dan menemui sebuah kereta wira yang sedang diisi minyak oleh seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan, dan selepas diperiksa didapati ianya mengisi melebihi had kebiasaan.

Katanya, pemeriksaan selanjutnya mendapati tempat mengisi minyak telah diubahsuai dengan terdapat dua lubang saluran untuk menyalurkan ke tangki simpanan tambahan, dipercayai untuk dijual di negara jiran.

"Kami menahan lelaki berusia 24 tahun berkenaan dan merampas kereta Proton Wira tersebut yang menggunakan nombor pendaftaran tempatan, dengan nilai sitaan RM6,000" katanya kepada Bernama di sini.

Adnan berkata siasatan dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika didapati bersalah individu yang melakukannya boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit, bagi setiap kesalahan yang dilakukan atau penjara tidak melebihi tempoh selama tiga tahun atau kedua-duanya.

Adnan berkata, semakan KPDNHEP mendapati ia kesalahan pertama lelaki terbabit dan pihaknya akan mendapatkan perintah tahanan reman untuk siasatan lanjut.

-- BERNAMA